



JABATAN PERTANIAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : PPN.PP.28(N)/2026
SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN SEMBUR RACUN MENGGUNAKAN DRON DI PETAK SAWAH DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH TAHUN 2026
HARGA INDIKATIF : RM280,000.00
JABATAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan dan memenuhi syarat di bawah:

- i) berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) serta masih sah tempoh lakunya di bawah kod bidang berikut:

Kod Bidang : 222104 - Pertanian/Tanaman/Ladang/Taman/Hutan Dan Ladang Hutan

- ii) Sijil Pendaftaran Syarikat Malaysia (SSM) / Perakuan Pertubuhan / Koperasi yang masih sah tempohnya.
- iii) Salinan Sijil Pendaftaran Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) yang masih berkuatkuasa.
- iv) Salinan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate* - TCC) yang sah dan patuh.
- v) Salinan sijil **Remote Pilot Certificate of Competency - Agriculture Light (RCOC-AL)** yang dikeluarkan oleh **Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)**.
- vi) Salinan sijil kursus pengendalian dron individu@syarikat.
- vii) Senarai drone yang dimiliki (berserta gambar).
- viii) Salinan Dokumen Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJCP) (Jika berkaitan).

2. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **SEBELUM ATAU PADA 29 JULAI 2026 (RABU) JAM 12.00 TENGAH HARI** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jalan Kulim, Cherok Tok Kun, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

3. **Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. **Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. **Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

4. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web **<http://ep.penang.gov.my>**

Pengarah Jabatan Pertanian
Negeri Pulau Pinang